



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 12

5hb Jun 2003

*TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN*

Kn. P.U. 15.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH
(MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2003**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Seksyen 70A (17), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Majlis Daerah Gua Musang membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Majlis Daerah Gua Musang) 2003**.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah terpakai bagi seluruh kawasan Majlis Daerah Gua Musang sebagaimana diisytiharkan di bawah peruntukan-peruntukan Seksyen 3, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“jurutera” ertinya seorang yang didaftarkan sebagai jurutera profesional di bawah mana-mana undang-undang berkenaan dengan pendaftaran jurutera-jurutera dan seseorang di bawah undang-undang tersebut dibenarkan menjalankan amalan atau menerus perniagaan sebagai jurutera profesional;

“Jurutera Majlis” ertinya seseorang jurutera seperti yang dinyatakan di bawah yang diperlukan untuk menjalankan fungsi seorang jurutera seperti yang ditentukan di bawah undang-undang kecil ini—

- (a) jurutera yang diambil sebagai kakitangan tetap kepada Majlis;
- (b) jurutera dari sebarang agensi Kerajaan yang dilantik oleh Majlis;
- (c) jurutera yang diupah oleh Majlis dengan bayaran.

“kerjatanah” termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas tapak atau menebang pokok atas mana-mana tanah atau apa-apa perbuatan lain berkaitan dengan atau mengganggu mana-mana tanah;

“kerjatanah asas tapak” termasuklah pembinaan asas tapak, tingkat bawah tanah, binagalas, cerucuk, batu sendal dan peparit;

“kerjatanah kecil” ertinya mana-mana kerjatanah melalui arahan Yang Dipertua dikecualikan daripada peruntukan undang-undang kecil ini;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Gua Musang;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Daerah Gua Musang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

BAHAGIAN II

PENGEMUKAAN PELAN-PELAN

Pelan-pelan kerjatanah hendaklah dikemukakan dan diperakui

3. (1) Pelan-pelan berhubung dengan kerja-kerja tanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah Seksyen 70A Akta hendaklah dikemukakan mengikut undang-undang kecil ini dan hendaklah mengandungi butir-butir yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini.

(2) Pelan-pelan itu hendaklah dikemukakan dan ditandatangani oleh seorang jurutera yang mempunyai kelulusan dalam kejuruteraan awam dan hendaklah—

- (a) mengandungi suatu perakuan yang dibuat olehnya menyatakan bahawa spesifikasi dan butir-butir yang terkandung di dalamnya itu adalah betul; dan
- (b) ditandatangani timbal oleh pemunya tanah yang berkenaan itu atau oleh ejennya yang diberi kuasa olehnya secara bertulis dan hendaklah menggunakan alamat penuh pemunya itu atau ejen itu, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Pelan-pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Majlis boleh dikemuka semula untuk dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian itu kehendak-kehendak di bawah perenggan (2) hendaklah dipakai mutatis mutandis.

(4) Melainkan jika kerjatanah dimulakan dalam tempoh dua belas bulan selepas diluluskan semua pelan dan spesifikasi berkenaan dengannya yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6, tiap-tiap kelulusan bagi pelan dan spesifikasi itu hendaklah luput apabila tamat tempoh tersebut, tetapi Majlis, atas permohonan yang dibuat kepadanya sebelum tamat tempoh tersebut, boleh melanjutkan tempoh itu sekali dalam masa dua belas bulan.

Kewajipan-kewajipan jurutera

4. (1) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna akan kerjatanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerjatanah itu melainkan jika—

(a) dengan persetujuan Yang Dipertua, seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih; dan

(b) Yang Dipertua bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Yang Dipertua bersetuju menerima penarikan diri seseorang jurutera di bawah perenggan (1) (b) kerjatanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih.

(3) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu hendaklah menjalankan penyeliaan-penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerjatanah itu dijalankan mengikut pelan-pelan, spesifikasi, arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis dan pada amnya mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang kecil itu.

(4) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu hendaklah memberitahu tarikh yang dicadangkan untuk pelaksanaan kerjatanah itu kepada Majlis satu minggu sebelum memulakan pelaksanaan.

(5) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu hendaklah, dalam masa satu minggu selepas selesai kerjatanah itu, memberitahu kepada Majlis secara bertulis bahawa kerjatanah itu telah selesai.

(6) Bagi maksud undang-undang kecil perbahasan “jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu” adalah termasuk jurutera yang mengemukakan semula pelan-pelan dan mana-mana jurutera yang dilantik untuk mengambilalih.

Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan

5. (1) Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan atau sebanyak mana salinan seperti yang diperlukan oleh Majlis.

(2) Satu set pelan-pelan hendaklah terdiri dari bahan “linen” atau jenis lain yang tahan lasak dan bersama-sama satu set lain akan disimpan oleh Majlis dan set ketiga akan dipulangkan kepada yang mengemukakan pelan tersebut setelah diluluskan.

(3) Jika pelan-pelan tidak diluluskan, sekurang-kurangnya satu set dari pelan-pelan berikut hendaklah dipulangkan balik kepada orang yang mengemukakan pelan-pelan tersebut bersama dengan kenyataan menggunakan sebab-sebab tidak diluluskan.

Laporan-laporan, pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan

6. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Majlis, laporan-laporan, pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir yang berikut hendaklah dikemukakan—

- (a) laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan detail-detail mengenai langkah untuk mengawal hakisan dan pemendapan;
- (b) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1:1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerjatanah, jalan masuk, alur utama, alur air semulajadi, parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagiannya;
- (c) pelan-pelan pada kontor tiap-tiap 1.5 meter menunjukkan tanah di mana kerjatanah itu akan dijalankan dan juga tanah yang bersambungan dengannya mengikut skel tidak kurang daripada 1:500;
- (d) pelan-pelan mengikut skel tidak kurang daripada 1:500 menunjukkan—
 - (i) aras siap pembentukan termasuklah—
 - (aa) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;
 - (bb) aras siap jalan;
 - (cc) aras perut parit dan lintasan;
 - (dd) tempat alir keluar saliran;
 - (ii) tutupan atau lencongan bagi mana-mana alur utama dan alur air semulajadi atau pembaikan-pembaikan padanya;
 - (iii) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbusan melebihi 2.5 meter dalam atau tingginya;
 - (iv) perlindungan bagi kerjatanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerjatanah itu berterusan;
 - (v) cadangan bagi pengawalan habuk-habuk akan timbul disebabkan oleh kerjatanah;
 - (vi) peruntukan penahan enap, termasuk peruntukan semasa kerjatanah itu berterusan.

- (e) gambarajah keratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1:1000 bagi skel tegak dan tidak kurang daripada 1:500 bagi skel datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerjatanah itu yang akan dijalankan ditapak itu;
- (f) cara pengorekan, perataan, penimbusan, cerucuk perlindungan atau apa-apa proses teknik bumi yang lain;
- (g) jadual bagi kerjatanah dan susunan dalam mana kerjatanah itu akan dijalankan secara berperingkat-peringkat;
- (h) banyaknya tanah yang hendak dikorek atau ditimbus dan tempat di mana tanah yang dikorek itu hendaklah diletakkan atau tempat di mana tanah yang hendak digunakan untuk penimbusan itu hendak didapatkan dan disertai dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
- (i) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;
- (j) pelan-pelan jelas mengikut skel tidak kurang daripada 1:50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak keping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki oleh undang-undang kecil ini; dan

(2) Jika berkaitan, kiraan-kiraannya dan segala aras bumi dan kontor yang tersebut dalam undang-undang kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada paras datum Jabatan Ukur Kerajaan.

Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan

7. Pelan-pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6 boleh, dengan kebenaran Majlis, dikemukakan secara berasingan tetapi dalam sesuatu hal yang demikian itu perakuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah juga menyertai tiap-tiap satu set pelan-pelan dan spesifikasi yang kemudiannya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kerjatanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan penentuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil ini diluluskan.

Tata amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi

8. (1) Di mana jua berkenaan, pelan-pelan, spesifikasi dan kiraan-kiraan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah menepati tata amalan yang berikut:

- (a) penyiasatan tapak – British Standards Code Of Practice 2001;
- (b) kerjatanah – British Standards Code Of Practice 2003;
- (c) asas tapak – British Standards Code Of Practice 2004;

(d) Civil Engineering Code Of Practice No. 2 on Earth Retaining Structures yang dikeluarkan oleh Institute of Structural Engineering United Kingdom; dan

(e) asas tapak dan binagalas bagi bangunan bukan perindustrian tidak melebihi 4 tingkat – British Standards Code Of Practice 101.

(2) Jika ada dikeluarkan suatu Tata Amalan Piawaian Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuatkuasanya undang-undang kecil ini maka ianya hendaklah menggantikan British Standards Code Of Practice mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH ASAS TAPAK

Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli

9. (1) (a) Sisi-sisi bagi segala kerjatanah asas tapak melebihi 3.5 meter dalam hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli.

(b) Bagi kerjatanah asas tapak yang lalu yang tidak melebihi 3.5 meter dalam dan lain-lain cara perlindungan bagi tebing-tebingnya hendaklah dibina.

(2) Kehendak-kehendak di bawah perenggan (1) (a) dan (b) boleh dikendurkan, diubah atau dikecualikan oleh Yang Dipertua jika ia berpuas hati dari spesifikasi, rekabentuk-rekabentuk dan kiraan-kiraan yang dikemukakan kepadanya bahawa suatu cara perlindungan lain adalah sekurang-kurangnya sama berkesannya atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta-harta yang bersambungan atau bahawa lain-lain cara perlindungan itu tidak perlu, mengikut mana yang berkenaan.

Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan

10. (1) Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerjatanah asas tapak hendaklah ditentukan; dan jurutera yang mengemukakan pelan-pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah mengemukakan laporan-laporan penyiasatan tanah dan hendaklah memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan menyebabkan kerosakan matan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain disekelilingnya.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH AM

Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia diusahakan

11. Jika ada pokok-pokok di atas tapak kerjatanah, pokok-pokok itu tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerjatanah itu telah sedia diusahakan.

Kerjatanah melebihi 3.5 meter

12. (1) Segala kerjatanah yang melebihi 3.5 meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Yang Dipertua.

(2) Mengenai kerjatanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Majlis maka hendaklah diadakan struktur-struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa berterusan kerjatanah itu melainkan jika dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Pertingkatkan kerjatanah

13. Kerjatanah yang hendak dijalankan hendaklah berperingkat-peringkat mengikut susunan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil 6 (1) (g) dan tiada apa-apa kerjatanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerjatanah itu tidak mungkin menyebabkan kacauanggu atau kerosakan kepada harta-harta serta kawasan di sekelilingnya.

Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya

14. Majlis boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerjatanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya menghendaki—

- (a) disalir dan dilencongkan alur utama dan alur air semulajadi termasuk mengadakan permatang dan pembentung dengan cukup;
- (b) bahawa penahan-penahan enap dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendapan diadakan dengan cukup serta disenggara dengan sepatutnya;
- (c) bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;
- (d) bahawa cerun-cerun dijaga dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
- (e) segala langkah-langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk-habuk yang akan timbul disebabkan oleh kerjatanah;
- (f) bahawa asas tapak jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alur air yang sedia ada;
- (g) bahawa timbusan-timbusan dipadatkan; dan
- (h) dipatuhi apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu dikenakan oleh Majlis.

Langkah-langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan

15. Mana-mana orang yang menjalankan mana-mana kerjatanah hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya terhadap kemalangan dengan memasang apa-apa papan tanda, pengadang, rantai atau tiang dan kerja-kerja itu hendaklah diterangi dengan lampu dan dijaga dengan secukupnya pada waktu malam.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Pelan-pelan spesifikasi lanjut dan sebagainya dikehendaki

16. Majlis boleh, jika ia fikirkan perlu, menghendaki pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir lanjut dikemukakan atau memberi arahan-arahan lanjut atau membuat pindaan-pindaan lanjut kepada pelan-pelan itu atau mengenakan syarat-syarat lanjut yang ia fikirkan patut dan arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat hendaklah dipatuhi.

Deposit

17. Bagi maksud undang-undang kecil ini Yang Dipertua boleh menghendaki mana-mana orang yang mengemukakan pelan-pelan itu mendeposit sejumlah wang sebagaimana yang ditentukan atau memberi suatu sekuriti dengan memuaskan hati Yang Dipertua.

Fi

18. Fi yang kena dibayar oleh orang yang mengemukakan pelan-pelan untuk dipertimbangkan di bawah undang-undang kecil ini ialah seperti berikut:

- | | |
|---|--|
| (i) jika kerjatanah asas tapak tidak melebihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali dan melibatkan sehingga 500 meter padu tanah | RM65.00 |
| bagi tiap-tiap 100 meter padu tambahan tanah yang terlibat atau sebahagian daripadanya | RM12.00 |
| (ii) jika kerjatanah asas tapak melebihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali | 1 ¹ / ₂ kali fee yang ditetapkan dalam (i) |
| (iii) jika kerjatanah asas tapak melebihi 12 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali | 2 kali fee ditetapkan dalam (i) |
| (iv) kerjatanah am | RM50 – RM250 sehektar atau sebahagian daripadanya |

selain daripada fee yang ditetapkan di atas wang sebanyak RM30.00 hendaklah dibayar bagi tiap-tiap satu kali Yang Dipertua atau wakilnya melawat tapak itu untuk pemeriksaan.

Pemeriksaan pelan-pelan

19. (1) Sesuatu pelan yang diluluskan boleh diperiksa di Pejabat Majlis dengan membayar fee sebanyak RM10.00.

(2) Dengan kebenaran orang yang mengemukakan pelan-pelan dan dengan membayar fee sebanyak RM50.00 bagi tiap-tiap satu pelan, pelan-pelan itu boleh disalin dan dengan membayar fee tambahan sebanyak RM50.00, pelan-pelan itu boleh diperakui sebagai salinan yang benar.

Kompaun

20. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa dengan secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang dinyatakan oleh undang-undang kecil itu atau mana-mana syarat di bawahnya.

Kesalahan-kesalahan

21. Sesiapa jua yang—

- (a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan-pelan, spesifikasi, kiraan-kiraan atau butir-butir yang palsu dalam apa-apa butir matan; atau
- (b) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi apa-apa arahan, pindaan atau syarat yang diberi atau dikenakan di bawah undang-undang kecil ini, atau
- (c) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi kehendak-kehendak di bawah undang-undang kecil 4 (4) dan 4 (5);

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pengecualian

22. Yang Dipertua bolehlah mengecualikan perkara-perkara yang berikut daripada undang-undang kecil ini—

- (a) kerjatanah yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan lombong;
- (b) kerjatanah yang dijalankan bagi maksud-maksud pertanian;
- (c) kerjatanah kecil;
- (d) kerja-kerja korekgali yang dilakukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Diperbuat pada 1 Oktober 2000.

[MDGM. 1/3/3.]

HAJI SHKORI BIN MOHAMED,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Gua Musang

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

EARTHWORKS (GUA MUSANG DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 2003

IN exercise of the powers conferred under Section 70A (17) of the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act133], the Gua Musang District Council makes the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Earthworks (Gua Musang District Council) By-Laws 2003**.

(2) These by-laws shall be applied to the whole area of Gua Musang District Council as declared under Section 3 of the Local Government Act 1976.

Interpretation

2. In these by-laws unless the context otherwise requires—

“Act” means the Street, Drainage and Building Act 1974;

“Council” means the Gua Musang District Council;

“earthworks” includes any act of excavation, levelling, filling with any materials, piling, the construction of foundations, or felling of tree on any land, or any other act of dealing with or disturbing any land;

“engineer” means a person who is registered as a professional engineer under any law relating to the registration on engineers and who under the law is allowed to practise or carry on the business of a professional engineer;

“engineer of the Council” means any engineer as outlined below who is required to perform the function of an engineer as specified under these by-laws—

(a) engineer employed as a permanent employee of the Council;

(b) engineer from any Government agency appointed by the Council; and

(c) engineer engaged by the Council for a fee.

“foundation earthworks” includes the construction of foundation basement, substructure, piling under-pinning and treaching;

“minor earthworks” means earthworks which the President by direction exempts from the provisions of these by-laws;

“President” means the President of the Gua Musang District Council and includes the Deputy President;

“Secretary” means the Secretary of Gua Musang District Council.

PART II

SUBMISSION OF PLANS

Plans of earthworks be submitted and certified

3. (1) Plans relating to earthworks required to be submitted under Section 70A of the Act shall be submitted in accordance with these by-laws and shall contain the particulars required under these by-laws.

(2) Such plans shall be submitted and signed by an engineer qualified in civil engineer and shall—

(a) contain a certification by him that the specifications and particulars stated therein are correct; and

(b) be countersigned by the owner of the land concerned or his agent authorised in writing and shall bear the full address of the owner or the agent as the case may be.

(3) The plans and specifications approved within by the Council may be resubmitted for amendment, variation or alteration but in such a case the requirements under paragraph (2) shall apply mutatis mutandis.

(4) Unless earthworks are commenced within twelve months after approval of all the plans and specifications relating thereto required under by-laws 6, every approval of such plans and specifications shall lapse on expiry of the said period, but the Council, on application being made to him before expiry of the said period, may extend the period, once by twelve months.

Duties of engineer

4. (1) The engineer submitting the plans under by-law 3 shall be responsible for the proper execution of the earthworks and shall continue to be so responsible until the completion of the earthworks unless—

(a) with the concurrence of the President another engineer is appointed to take over, or

(b) the President agree to accept his withdrawal.

(2) Where the President agree to accept an engineer's withdrawal under paragraph (1) (b) the earthworks shall not commence or continue until another engineer is appointed to take over.

(3) The engineer submitting the plans shall give supervision and make such inspections as may be necessary to ensure that the earthworks are carried out in accordance with the plans, specifications, directions, amendments or conditions imposed by the Council and generally with the provisions of these by-laws.

(4) The engineer submitting the plans shall notify the proposed date of commencement of the earthworks to the Council one week before the commencement.

(5) The engineer submitting the plans shall within one week of the completion of the earthworks, notify the Council in writing of the completion.

(6) For this purpose of this by-laws the term “engineer submitting the plans” shall include the engineer resubmitting the plans and any engineer appointed to take over.

Plans to be triplicate

5. (1) All plans shall be submitted in triplicate or in as many copies as may be required by the Council.

(2) One set of the plans shall be on linen or other equally wear resistant and durable material which, together with one other set shall be retained by the Council and the third set shall be returned to the person submitting the plans after approval.

(3) If the plans are disapproved, at least one set of such plans shall be returned to the person submitting the plans with a statement explaining the reasons for disapproval.

Reports, plans and particulars shall be submitted

6. (1) Unless exempted by the Council, the following report, plans, specifications and particulars shall be submitted—

(a) a preliminary site evaluation report together with details of erosion and siltment control measures;

(b) a site plan drawn to a scale of not less than 1:1000 showing in clear colour the site of the earthworks, road access, mainstreams, natural water courses, drains and adjoining lands or part thereof;

(c) plans at 1.5 metres contours showing both existing grounds on which the earthworks are to be carried out and adjoining lands to a scale of not less than 1:500;

(d) plans to a scale of not less than 1:500 showing—

(i) finished forming level including—

(aa) platform levels for the building or buildings;

(bb) finished road levels;

(cc) drains invert levels and crossings;

(dd) points of discharge of drainage;

- (ii) closure or deviation of any mainstreams and natural water courses or improvement thereto;
 - (iii) any excavation, cutting or filling exceeding 2.5 metres in depth or height;
 - (iv) protection to the earthworks against erosion including protection during the continuance of the earthworks;
 - (v) proposal for the control of dust which may arise as a result of the earthworks; and
 - (vi) provision of silt traps, including provision during the continuance of the earthworks;
- (e) longitudinal and cross sectional plans of not less than 1:100 for the vertical scale and of not less than 1:500 for the horizontal scale showing the mass haul of the earthworks to be carried out on the site;
- (f) the method of excavation, levelling, filling, protective piling or any other geotechnical processes to be carried out;
- (g) schedule of the earthworks and the order in which the earthworks are to be phased;
- (h) the amount of earth to be excavated or filled and the place where such excavated earth is to be deposited or the earth to be used for filling is to be obtained and accompanied with approval by relevant authority to move such earth;
- (i) the precautions taken to protect the adjoining lands, building, roads and other properties;
- (j) detailed plans to a scale of not less than 1:50 and specifications of any close sheet piling or other retaining structure or stabilization of slope required under these by-laws; and

(2) Where relevant, the calculation, and all ground levels and contours referred to in this by-law shall be drawn with reference to the relevant Government Survey Department datum level.

Plans may be submitted separately

7. The plans and specifications required under by-law 6 may, with the permission of the Council, be submitted separately but in such a case the certification required under by-law 3 shall also accompany each subsequent set of plans and specifications:

Provided that no earthworks shall commence until all the plans and specifications required under these by-laws have been approved.

Relevant codes of practice to be complied with

8. (1) Wherever applicable the plans, specifications and calculation submitted under these by-laws shall comply with the following codes practice—

- (a) site investigation – British Standards Code of Practice 2001;
- (b) earthworks – British Standards Code of Practice 2003;
- (c) Foundation – British Standards Code of Practice 2004;
- (d) Civil Engineering Code of Practice No. 2 on Earth Retaining Structures, issued by Institute of Structural Engineers, United Kingdom; and
- (e) foundation and substructures for non-industrial building of not more than 4 storeys – British Standards Code of Practice 101.

(2) Where there is issued a correspond Malaysia Standards Code of Practice after the coming into force of these by-laws, the same shall supersede the British Standards Code of Practice on the same subject matter and shall be complied with.

PART III**SPECIAL PROVISIONS RELATING TO FOUNDATION EARTHWORKS****Requirements of close steel sheet piling**

9. (1) (a) The sides of all foundation earthworks exceeding 3.5 metres in depth shall be protected by close steel piling.

- (b) In other cases not exceeding 3.5 metre in depth other alternative methods of protection to the banks shall be erected.

(2) The requirements under paragraph (1) (a) and (b) may be relaxed, varied or exempted by the President if he is satisfied from specifications, designs and calculations submitted to him that an alternative method of protection is at least as effective or better and will give adequate protection to adjoining properties or that they are unnecessary, as the case may be.

Soil to be investigated and water table to be determined

10. Soil investigation shall be carried out and the depth of water table in any foundation earthworks shall be determined, and the engineer submitting the plans under by-law 3 shall submit the soil investigation reports and shall certify that any lowering of water table will not cause material damage to any surrounding structure, roadways or any other properties.

PART IV

PROVISIONS RELATING TO GENERAL EARTHWORKS

Trees not to be cut until site is to be worked

11. Where there are trees on the earthworks site, the same shall not be cut or cleared until the earthworks site is ready to be worked.

Earthworks exceeding 3.5 metres

12. (1) All earthworks exceeding 3.5 metres in height or depth shall, unless exempted by the President, be protected by retaining structure or stabilization of slopes.

(2) In earthworks where permanent retaining structure or stabilization of slopes are exempted by the Council there shall, unless exempted by the President, be provided temporary retaining structure or stabilizations of slopes during the continuance of such earthworks.

Phasing of earthworks

13. Earthworks to be carried out shall be phased in the order submitted under by-law 6 (1) (g) and no earthworks shall commence or continue to the next phase unless the engineer submitting the plans certifies in writing that the earthworks are not likely to cause nuisance or damage to the surrounding or properties.

Conditions may be imposed at any time before work can continue the next phase

14. The Council may at any time before earthworks may be continued to the next phase require—

- (a) the drainage and deviation of mainstems and the natural water courses, including provisions of adequate bunds and culverts;
- (b) that silt traps and other sediment control facilities are adequately provided and properly maintained;
- (c) that retaining structure, where necessary, are provided;
- (d) that slopes are adequately protected against erosion;
- (e) that all practical measures are taken to control any dust which may arise as a result of the earthworks;
- (f) that the foundation of the road is laid and the surface of such road is sealed so as to prevent silt being washed into existing watercourses;
- (g) that fills are compacted; and
- (h) any other conditions deemed fit by the Council be complied with.

Proper precautions against accident

15. Any person carrying out earthworks shall take proper precautions against accident by fixing such signboard, bars, chain or post, and causing the works to be sufficiently lighted and guarded during the night.

PART V

MISCELLANEOUS

Further plans, specifications and etc, if required

16. The Council may, where it consider it necessary, require further plans, specifications and particulars to be submitted or give further direction or make further amendments to the plans or impose further conditions it deemed fit and such directions, amendments or conditions shall be complied with.

Deposit

17. For the purpose of these by-laws, the President may required the person submitting the plan to deposit such sum of money as prescribed by the President or by giving security to the satisfaction of the President.

Fees

18. The fees to be paid by the person submitting plans for consideration under these by-laws shall be as follows—

| | |
|---|--|
| (i) where foundation earthworks do not exceed 6 metres below the highest ground level and involving of earth up to 500 cubic metres | RM65.00 |
| for every additional 100 cubic metres of earth or part thereof | RM12.00 |
| (ii) where the foundation earthworks exceed 6 metres below the highest ground level | 1 ¹ / ₂ times the fees prescribed in (i) |
| (iii) where the foundation earthworks exceeds 12 metres below the highest ground level | 2 times the fees prescribed in (i) |
| (iv) general earthworks | RM50 – RM250 per hectare or part thereof |

in additional to the fees prescribed above there shall be paid a sum of RM30.00 per visit to the site for inspection made by the President or his representative.

Inspection of plans

19. (1) An approved plan may on payment of fee of RM10.00 be inspected in the office of the Council.

(2) With the approval of the person submitting the plans and a payment of a fee of RM50.00 for each plan, the plans for be copied and for an addition fee of RM50.00 be certified true copy.

Power to compound

20. The President or Secretary or any other officer of the Council authorised in writing by the President may in his discretion compound any offence prescribed by these by-laws or conditions therefor.

Offences

21. Any person who—

- (a) knowingly or negligently submits plans, specifications, calculations or particulars which are false in any material particulars; or
- (b) without reasonable excuse fails to comply with any directions, amendments or conditions given or imposed under these by-laws; or
- (c) without reasonable excuse fails to comply with the requirements under by-laws 4 (4) and 4 (5);

shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit and shall also be liable to a further fine, not exceeding one hundred ringgit for every day during which the offence is continued after the conviction.

Exemption

22. The President may except the following from the provisions of these by-laws—

- (a) earthworks carried out under any written law relating to mines;
- (b) earthworks carried out for agricultural purpose;
- (c) minor earthworks; and
- (d) excavation works done under the National Land Code 1965.

Made this 1 October 2000.

[MDGM. 1/3/3.]

HAJI SHKORI BIN MOHAMED,
President,
Gua Musang District Council

Kn. P.U. 16.

ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930

PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 9A

PADA menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 9A Enakmen Rizab Melayu 1930 [*En. 18/30*], Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam mesyuarat dengan ini membuat perintah seperti berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah (Enakmen Rizab Melayu 1930) (Pindaan Jadual D) (No. 3) 2003.**

Pindaan Jadual D

2. Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Arab-Malaysian Bank Berhad” dengan perkataan “AmBank Berhad”.

Diperbuat pada 25 Mei 2003.

[PTG. Kn. 17/2/75 (8).]

HAJI ISMAIL BIN GHANI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Kelantan

MALAY RESERVATION ENACTMENT 1930

ORDER UNDER SECTION 9A

IN exercise of the powers conferred under Section 9A of the Malay Reservations Enactment 1930 [*En. 18/30*], His Highness the Sultan in Council hereby makes the following order:

Short title and commencement

1. This order may be cited as the **(Malay Reservations Enactment 1930) (Amendment of Schedule D) (No. 3) Order 2003.**

Amendment of Schedule D

2. Schedule D of the Malay Reservation Enactment 1930 is amended by substituting for the words “Arab-Malaysian Bank Berhad” the words “AmBank Berhad”.

Date this 25 May 2003.

[PTG. Kn. 17/2/75 (8).]

HAJI ISMAIL BIN GHANI,
Clerk of State Executive Council,
Kelantan

Kn. P.U. 17.**ENAKMEN TANAH 1938****PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 104 (iv)**

PADA menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 104 (iv) Enakmen Tanah 1938 [*En. 26/38*], Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam mesyuarat dengan ini membuat perintah seperti berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah (Enakmen Tanah 1938) (Pindaan Jadual 26A) (No. 3) 2003**.

Pindaan Jadual 26A

2. Jadual 26A Enakmen Tanah 1938 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Arab-Malaysian Bank Berhad” dengan perkataan “AmBank Berhad”.

Diperbuat pada 25 Mei 2003.

[PTG. Kn. 17/2/75 (8).]

HAJI ISMAIL BIN GHANI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Kelantan

LAND ENACTMENT 1938**ORDER UNDER SECTION 104 (iv)**

IN exercise of the powers conferred under Section 104 (iv) of the Land Enactment 1938 [*En. 26/38*], His Highness the Sultan in Council hereby makes the following order:

Short title and commencement

1. This order may be cited as the **(Land Enactment 1938) (Amendment of Schedule 26A) (No. 3) Order 2003**.

Amendment of Schedule 26A

2. Schedule 26A of the Land Enactment 1938 is amended by substituting for the words “Arab-Malaysian Bank Berhad” the words “AmBank Berhad”.

Date this 25 May 2003.

[PTG. Kn. 17/2/75 (8).]

HAJI ISMAIL BIN GHANI,
Clerk of State Executive Council,
Kelantan

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA